

Tindakan AS bunuh kanak-kanak

UM 14 NOV 2001

KUALA LUMPUR 13 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyalahkan tindakan membunuh golongan tidak berdosa” terutama kanak-kanak oleh tentera Amerika Syarikat (AS) di Afghanistan sebagai perbuatan zalim.

Sambil melahirkan rasa sedih berhubung kejadian itu, Perdana Menteri menegaskan, perbuatan tersebut tidak wajar dibiarkan berterusan kerana golongan berkenaan tidak bersalah.

Ujarnya, tentera AS telah bertindak sewenang-wenangnya untuk membunuh, megebom dan melepaskan roket ke arah kanak-kanak sehingga menyebabkan ramai tercedera.

Tegas Dr. Mahathir, walaupun perbuatan megebom Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York pada 11 September lalu merupakan satu jenayah, namun tindakan balas seharusnya dihalakan kepada penjenayah terlibat sahaja dan bukannya orang awam.

“Memang perbuatan megebom WTC adalah satu jenayah tetapi adakah wajar orang lain lakukan jenayah maka orang lain mesti dibalas dan terima kecederaan.

“Ini adalah satu kezaliman,” katanya sewaktu berucap pada perasmian Konvensyen Perdana Guru Cemerlang 2001 di sini hari ini.

Konvensyen bertemakan ‘Meritok asi Jiwa Bangsa’ yang berlangsung selama tiga hari itu dihadiri 1,000 guru cemerlang dari seluruh negara.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Md. Khir.

Dr. Mahathir menambah, angkara serangan bom tentera AS itu telah menyebabkan setiap hari berlakunya kematian kanak-kanak Afghanistan.

Bagaimanapun, ujarnya tidak banyak yang boleh dilakukan oleh negara ini atau pihak-pihak lain untuk menghantu mereka.

Afghanistan zalim — PM

“Mungkin kita menangis, meratapnya atau mungkin kita buat memorandum kepada kedutaan tertentu serta berdemonstrasi tetapi semuanya tidak berkesan.

“Tak berkesan kerana kita semuanya daripada golongan yang lemah,” katanya sambil berharap rakyat mengambil iktibar daripada apa yang sedang berlaku di Afghanistan sekarang.

Justeru, menurut Perdana Menteri, rakyat negara ini mesti bekerja keras supaya tidak dipandang lemah oleh pihak-pihak lain.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, untuk menjadi satu bangsa dan negara yang kuat sudah tentu akan mengambil masa yang panjang.

Katanya, ia mungkin memakan masa 10 hingga 100 tahun, namun sebagai orang Islam yang berpegang teguh kepada ajaran agama, mereka tidak harus berasa bosan atau putus asa.

“Orang Islam disuruh bersabar. Tak apalah sekarang

ini orang boleh tekan kita, tetapi di masa depan kita tentukan mereka tidak boleh lagi tekan kita,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, jika Malaysia telah mencapai satu peringkat kemajuan yang amat membanggakan sudah tentu kuasa-kuasa besar sukar untuk menekan atau menindasnya lagi.

Beliau berkata, negara ini bersyukur kerana pada masa ini ia masih mampu mengkritik kuasa besar disebabkan tahu mengurus negara tanpa perlu berhutang dengan pihak yang boleh mengilas tangan pemimpinnya.

Sehubungan itu juga, beliau berharap, para guru akan memainkan peranan lebih berkesan untuk mendidik pelajar agar mempunyai nilai-nilai murni yang kukuh demi kepentingan agama, bangsa dan negara di masa depan.